

25.4.2023

Siaran Media  
Ir. PATHMANATHAN K.  
CEO, PBA HOLDINGS BHD DAN PBAPP.

## **PEMBENIHAN AWAN PULAU PINANG: BERKEMUNGKINAN BERMULA DARI AKHIR APRIL 2023**

- **NADMA telah memohon TUDM menjalankan operasi pembenihan awan.**
- **Tarikh disyorkan METMalaysia: 29.4.2023 hingga 7.5.2023.**
- **Sasaran: Kawasan tadahan air untuk Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang.**

PULAU PINANG, SELASA, 25.4.2023: Pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) mungkin menjalankan operasi pembenihan awan di kawasan tadahan air di Pulau Pinang mulai akhir bulan ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) telah mengesyorkan jangka masa dari 29.4.2023 hingga 7.5.2023 untuk gelombang pertama operasi yang akan dijalankan di Pulau Pinang bagi tahun 2023. Keadaan cuaca harus sesuai untuk memaksimumkan kesan operasi pembenihan awan.

Objektif utama adalah untuk mendorong hujan lebat di kawasan tadahan air Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang. Hujan lebat diperlukan untuk mengisi semula empangan ini dengan air mentah sebanyak mungkin.

Carta berikut menunjukkan status kapasiti efektif empangan:

<b>KAPASITI EFEKTIF EMPANGAN</b>		
	<b>1.1.2023</b>	<b>24.4.2023</b>
<b>EMPANGAN AIR ITAM</b>	82.5%	<b>44.8%</b>
<b>EMPANGAN TELUK BAHANG</b>	64.0%	<b>48.6%</b>

Kapasiti efektif Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang telah menyusut masing-masing sebanyak 37.7% dan 15.4% sejak 1.1.2023. Ini disebabkan terutamanya oleh hujan yang rendah (berkaitan dengan perubahan iklim) di kawasan tadahan air dan permintaan air yang tinggi di Negeri Pulau Pinang pada tahun 2023.

Paras simpanan Empangan Air Itam telah berkurangan dengan peratusan yang lebih tinggi sejak 1.1.2023 kerana kapasiti efektif maksimumnya ialah 2,160 juta liter (ML) berbanding kapasiti efektif maksimum Empangan Teluk Bahang sebanyak 19,240 ML.

Harap maklum bahawa kedua-dua empangan tidak diisi semula kepada kapasiti 100% pada penghujung tahun 2022 kerana hujan yang rendah di kawasan tadahan air tahun lalu.

### **RESPONS TEPAT MASA OLEH NADMA, MET, TUDM DAN BKSA**

Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) mengharapkan kejayaan operasi pembenihan awan ini.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meluluskan bajet RM400,000 untuk membiayai operasi pembenihan awan. Pada 13.4.2023, PBAPP mengeluarkan kenyataan media memohon bantuan daripada Kerajaan Persekutuan.

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada organisasi berikut atas respons mereka yang tepat pada masanya untuk perkara yang mendesak:

- Agensi Pengurusan Bencana Kebangsaan (NADMA) untuk mengutamakan dan memudahkan operasi pembenihan awan.
- TUDM kerana memberi persetujuan untuk menjalankan operasi pembenihan awan memandangkan tiada syarikat daripada sektor swasta yang layak yang memenuhi kriteria dan syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM).
- Jabatan METMalaysia dan Badan Kawal Selia Air Pulau Pinang (BKSA) kerana membantu bagi penjadualan, perhubungan dan segala urusan yang perlu dengan NADMA dan TUDM.

Pesawat TUDM yang akan digunakan untuk operasi pembenihan awan berkemungkinan berlepas dari Pangkalan Udara Subang di Selangor. Aturan sedang dibuat untuk wakil PBAPP menyaksikan sendiri operasi pembenihan awan.

Manakala, PBAPP akan melaporkan hasil daripada gelombang pertama operasi pembenihan awan selesai, yang berkaitan dengan status empangan.

Harap maklum bahawa ia akan mengambil masa beberapa hari, selepas misi pembenihan awan TUDM dijalankan, untuk hujan berlaku dan air hujan mengalir ke empangan.

Bergantung pada keputusan dan keadaan, PBAPP juga boleh memohon peruntukan tambahan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membiayai gelombang kedua operasi pembenihan awan tambahan bagi menambah rizab empangan Pulau Pinang.

#### KERJASAMA DARIPADA PENGGUNA AIR PULAU PINANG

Pada tahun 2023, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang, NADMA, TUDM, METMalaysia, BKSA dan PBAPP bekerjasama untuk meminimumkan potensi risiko krisis air di Pulau Pinang.

PBAPP berharap pengguna air domestik (isi rumah) Pulau Pinang turut memainkan peranan mereka dengan menggunakan air secara berhemat sehingga rizab Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang diisi semula ke tahap selamat.

Pada 2022, kira-kira 61.5% daripada jumlah penggunaan air Pulau Pinang sebanyak 868 juta liter sehari (JLH) merupakan penggunaan air domestik. Pada Februari 2023, jumlah penggunaan air di Pulau Pinang meningkat lagi kepada purata 944 JLH.

Oleh itu, kami ingin menggesa semua pengguna air Pulau Pinang untuk mengurangkan penggunaan air harian mereka dengan mengamalkan langkah penjimatan air berikut:

1. Elakkan menggunakan hos seboleh mungkin. Penggunaan hos bazirkan air.
2. Kurangkan kekerapan mencuci kereta atau motosikal anda. Jika anda perlu mencuci kenderaan anda, gunakan baldi dan kain lembap atau span dan bukannya hos.



# PBA

Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

*Meeting all your water supply needs*

3. Siram tanaman anda dengan tin penyiram dan bukannya hos.
4. Sapu anjung atau laluan masuk menggunakan penyapu dan elak menggunakan hos.
5. Baiki semua paip, pili atau sistem tandas yang bocor dengan segera.
6. Jangan biarkan sebarang paip mengalir di rumah atau pejabat anda.
7. Didik anak-anak anda untuk menutup paip dengan betul.
8. Gunakan mesin basuh anda hanya apabila anda mempunyai muatan penuh.
9. Apabila membasuh pakaian dengan cucian tangan, jangan biarkan pili air mengalir. Hidupkannya hanya apabila anda membilas.
10. Isi dan palamkan sinki anda semasa membasuh/membilas makanan, pinggan mangkuk dan kutleri.
11. Mop lantai dan bukannya menggunakan hos atau menyimbah air daripada baldi.
12. Tutup paip semasa anda memberus gigi. Buka semula hanya apabila tiba masanya untuk berkumur.
13. Tutup paip semasa menyabun tangan anda. Hidupkannya hanya apabila tiba masanya untuk bilas.
14. Singkatkan masa mandi anda.
15. Matikan pancuran mandian apabila anda menyabun badan anda.
16. Pasang sistem "dwi-simbah" dalam tandas anda. Biasanya, "separuh simbah" sudah memadai.
17. Elakkan membuang sampah ke tandas. Buang sampah ke dalam tong sampah.
18. Hubungi 04 255 8 255 untuk melaporkan kebocoran di sesalur utama atau paip tepi jalan dengan segera. Kami sedia menerima panggilan anda 24 jam sehari.

Untuk lebih banyak tip penjimatan air domestik, sila layari [www.pba.com.my](http://www.pba.com.my)

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Email : syarifah@pba.com.my